

11/07/1998

Ekonomi Malaysia masih terkawal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin pembangkang berpengaruh Indonesia, Amien Rais, percaya Malaysia tidak akan mengalami kemelut ekonomi seperti yang dihadapi negaranya.

Menurut Ketua Umum Pertubuhan Islam Muhamadiyah yang mempunyai 28 juta ahli itu, Malaysia bernasib baik kerana masih mempunyai kawalan ke atas ekonomi dan nilai mata wangnya masih kukuh, berbanding Indonesia.

Beliau berkata, ketika Malaysia, Thailand dan Korea Selatan sedang berada di laluan sebenar ke arah pemulihan ekonomi masing-masing, Indonesia pula terus tenggelam.

"Indonesia adalah orang paling sakit di Asia. Anda (Malaysia) juga tidak begitu sihat. Tetapi sekurang-kurangnya anda sudah keluar dari unit kawalan rapi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan berasingan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, hari ini.

Amien, 54, seorang pemimpin yang tidak asing di Indonesia kerana kelantangannya menentang atau mengkritik kerajaan, terutama ketika zaman pemerintahan bekas Presiden Suharto.

Beliau kini dianggap tokoh yang mempelopori gerakan reformasi dan disokong kuat pelajar universiti.

Kemuncak gerakan reformasi yang diibaratkan seperti angin kencang ialah pengunduran Presiden Suharto pada 21 Mei lalu dan diganti oleh Presiden Bacharuddin Jusuf Habibie.

Mengenai pertemuan dengan kedua-dua pemimpin negara, Amien berkata, mereka berbincang mengenai pelbagai perkara, terutama situasi politik di Indonesia.

"Kami juga berbincang mengenai persamaan di antara Indonesia dan Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui yang proses reformasi selepas Suharto masih belum menunjukkan perkembangan meyakinkan kerana ia memerlukan banyak masa.

Amien yang menerima ijazah kedoktoran dari Universiti Chicago, dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini atas jemputan Pergerakan Keadilan Sedunia (Just) sebelum berlepas ke Singapura, pagi esok.

(END)